



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 33/2017 dari 13 Ogos hingga 19 Ogos 2017)

Sejumlah 1,672 kes Denggi telah dilaporkan pada minggu ke-33, iaitu bagi tempoh 13 Ogos sehingga 19 Ogos 2017, penurunan 227 kes (12%) berbanding minggu sebelumnya (1,899 kes). Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Denggi sehingga minggu lepas adalah 63,092 kes berbanding 71,590 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 8,498 kes (11.9%).

Untuk makluman, terdapat lima (5) kes kematian Denggi yang dilaporkan pada minggu lepas, menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 146 kematian, berbanding 162 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2016, pengurangan sebanyak 16 kematian (23.8%).

Jumlah lokaliti wabak semasa juga menurun sebanyak 44 lokaliti (6.3%), iaitu 654 lokaliti wabik aktif yang dilaporkan pada minggu lepas berbanding 698 lokaliti pada minggu sebelumnya. Begitu juga dengan lokaliti hotspot turut menunjukkan pengurangan sebanyak 13 lokaliti (10.7%) daripada 121 lokaliti pada minggu ke-32 kepada 108 lokaliti pada minggu ke-33.

Negeri Selangor menunjukkan bilangan hotspot yang tinggi setiap minggu. Antara faktor penyumbang adalah peningkatan dari segi kepadatan penduduk, pembuangan sampah tidak terurus dan bangunan bertingkat. Menurut kajian yang dilakukan oleh Farah Amirah et al 2016 untuk melihat profil nyamuk Aedes di bangunan bertingkat di negeri Selangor, didapati

indeks ovitrap yang agak tinggi di pangsapuri (16.7%) berbanding apartmen (6.1%).

Antara penemuan penting hasil kajian tersebut adalah keadaan sanitasi dan kebersihan pangsapuri yang tidak memuaskan kerana terdapat banyak bekas-bekas domestik seperti baldi, pasu dan mangkuk plastik selain sampah yang dibuang di atas bumbung bangunan oleh penduduk setempat yang tidak bertanggungjawab. Di samping itu, kajian tersebut juga mendapati air bertakung di koridor dan parit selepas hujan yang turut menyumbang kepada tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Sehingga 19 Ogos 2017, KKM telah menerima laporan 249 kes Chikungunya, iaitu 186 kes di Kedah, 33 kes di Selangor, 24 kes di Johor, empat (4) kes di Kelantan dan dua (2) kes di Perak. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) ke atas 1,261 sampel darah dan air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika mendapati keputusan kesemua ujian adalah negatif.

Penyakit Denggi, Chikungunya dan Zika mempunyai tanda-tanda yang sama seperti demam, sakit kepala, sakit otot dan sendi serta ruam. Mereka yang mempunyai tanda-tanda ini perlu mendapatkan rawatan awal dan sekiranya mereka tinggal di kawasan wabak, sila maklumkan kepada para doktor yang merawat kes untuk mempermudah mereka melaksanakan pengesanan awal, dan kemudian dapat memberikan rawatan yang sepatutnya. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**

DATUK DR SHAHNAZ MURAD
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia
No. MMC 26324


DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
24 Ogos 2017

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 33/2017
(13 Ogos hingga 19 Ogos 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 33/2017		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 33/2016	
		Minggu 33 (13 Ogos – 19 Ogos 2017)		Minggu 32 (6 Ogos – 12 Ogos 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	3	0	1	0	134	0	113	1
2	Kedah	37	0	37	0	1,118	4	647	2
3	P. Pinang	47	1	62	0	1,671	12	2,034	12
4	Perak	64	0	63	0	4,581	9	2,619	8
5	Selangor	915	1	1,045	2	34,551	55	37,955	55
6	WP KL & Putrajaya	147	0	158	0	6,470	19	6,079	14
7	N. Sembilan	39	0	39	0	2,500	11	1,890	18
8	Melaka	26	0	48	0	1,014	1	1,571	5
9	Johor	230	2	260	4	5,462	20	8,510	13
10	Pahang	40	0	40	0	1,223	2	1,731	7
11	Terengganu	5	0	6	0	215	1	1,656	14
12	Kelantan	52	0	54	0	2,047	2	2,578	6
13	Sarawak	5	0	7	0	699	4	1,899	6
14	Sabah	54	1	79	0	1,363	6	2,302	1
15	WP Labuan	8	0	0	0	44	0	6	0
	MALAYSIA	1,672	5	1,899	6	63,092	146	71,590	162

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 33/2017
(13 Ogos hingga 19 Ogos 2017)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Mutiara Taman Sri Nanding	123	207
2	SELANGOR	Gombak	Appt Laguna Biru	127	178
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	88	150
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	62	146
5	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 3 Taman Pelangi Semenyih	24	120
6	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Desa Mutiara Sungai Jelok	35	120
7	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Suasana 4 Bandar Tun Hussein Onn	72	116
8	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 15-25 Taman Kantan Permai	62	115
9	SELANGOR	Hulu Langat	Evergreen Park Acorn & Hazel Bandar Sungai Long	53	111
10	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 1-14 Taman Kantan Permai	31	109
11	WPKL	Cheras	Jalan Mewah	42	103
12	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	41	102
13	SELANGOR	Gombak	Kg Kerdas 5	54	101
14	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	84	95
15	WPKL	Cheras	Bayu Tasik Condo 1	27	92
16	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Mewah 2 Pandan Mewah	20	92
17	WPKL	Cheras	P/Puri Kos Rendah Bdr Tasik Selatan (Blok A - E)	61	90
18	SELANGOR	Petaling	Seksyen U13 (Pangsapuri Seroja)	28	89
19	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat Z6	32	86

20	WPKL	Cheras	Pangsapuri Segar Ria, Tmn Segar	21	77
21	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Delima Taman Pinggiran Delima	33	76
22	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 9 Sd Court	27	74
23	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt. Sri Cempaka Bs	32	73
24	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Jasmin 16-22 Taman Jasmin	19	72
25	JOHOR	Johor Bharu	Flat Taman Mawar	26	71
26	SELANGOR	Hulu Langat	Kawasan Perindustrian Bukit Angkat Sungai Chua	8	68
27	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cendana_Zon 3	23	68
28	SELANGOR	Hulu Langat	Evergreen Park Cypress Bandar Sungai Long	21	67
29	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Utama	29	67
30	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat Z5	18	67
31	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Impian & Jln U5/178 - 180 & Jln Cc U5/Cc-Ce U5/Ce)	19	67
32	JOHOR	Johor Bharu	Tapak Projek R&F Tanjung Puteri	95	67
33	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 Ridzuan Kondo	20	65
34	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Rakan 9-17 Taman Rakan	10	62
35	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Taman Kajang Mewah	15	62
36	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sri Tanjung Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	9	60
37	JOHOR	Kulaijaya	Tmn Mewah 2	16	60
38	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Pahlawan Bandar Mahkota Cheras	17	59
39	WPKL	Cheras	Sri Mas Kondo	10	58
40	SELANGOR	Gombak	Bdr Country Homes Fasa 13	14	56
41	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Megah Ria_Jln Jelatang	19	56
42	WPKL	Cheras	Appt Jalil Damai (Bukit Jalil)	12	54
43	SELANGOR	Gombak	Sri Maya Condo	13	53

44	SELANGOR	Petaling	Usj 6/2	19	52
45	SELANGOR	Gombak	Appt Palma Bch	13	51
46	JOHOR	Kulaijaya	Tmn Indahpura Blok Kenanga	43	51
47	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bj 1-12 Taman Balakong Jaya	9	49
48	SELANGOR	Petaling	BI Pju 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A, B)	10	49
49	SELANGOR	Petaling	Putra Height 8 (Jln Putra Bahagia 8/2)	9	49
50	JOHOR	Kulaijaya	Taman Desa Idaman_Blok 1	22	48
51	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Melur Taman Sutera	8	46
52	SELANGOR	Gombak	Tmn Berjaya	35	46
53	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Nadayu Kajang	9	45
54	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat Z1	22	44
55	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Kasturi Cheras	9	44
56	P PINANG	Barat Daya	Kg. Seronok	31	44
57	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 6/1-8a Kampung Tasik Tambahan	10	43
58	SELANGOR	Hulu Langat	Kampung Sungai Raya	9	43
59	SELANGOR	Petaling	Ss 19/6	12	43
60	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Asa Jaya	14	43
61	N SEMBILAN	Seremban	Taman Seremban Jaya Fasa 5	9	43
62	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Desa Cemerlang_Jln Johar	5	43
63	WPKL	Lembah Pantai	Flat Tmn Bukit Angkasa (Blok 9 & Blok 16-20)	6	42
64	SELANGOR	Petaling	Usj 6/5 - Usj 6/7	11	42
65	P PINANG	Barat Daya	Pangsapuri Sri Pahlawan	12	42
66	PERAK	Kinta	Kg Baru Kuala Kuang	14	42
67	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Semarak Sungai Chua	12	41
68	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat Z 7	13	41

69	JOHOR	Johor Bharu	Tmn U_Kejayaan	6	41
70	SELANGOR	Petaling	BI Pju 8 Empire City	13	40
71	SELANGOR	Klang	B.B.R (Jln Klang Sentral 4)	23	40
72	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv 1 (Zon A)	8	40
73	SELANGOR	Gombak	Tmn Ukay Perdana Fasa 1	9	40
74	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Delima Taman Pinggiran Delima	4	40
75	SELANGOR	Gombak	Appt Bayu Bch	14	40
76	JOHOR	Johor Bharu	Flat Peringkat 3, Perjiranan 8	14	40
77	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Intana Ria Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	11	39
78	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bukit Permai 1-5 Taman Bukit Permai	18	39
79	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Impian Indah	8	39
80	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Desa Serdang	7	38
81	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4,5,12,14&16 Taman Sri Jelok	5	38
82	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat	4	37
83	SELANGOR	Gombak	Tmn Greenwood	7	37
84	WPKL	Cheras	Taman Mutiara Barat A (Jln Mutiara 2,3,4 Jln Mutiara Barat 1,2&Jln Mutiara Raya)	8	36
85	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Cheras Prima	6	36
86	SELANGOR	Klang	Tmn Sri Aneka (Jalan 2)	15	36
87	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Bahagia	11	36
88	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bm 2 Bandar Bukit Mahkota	6	36
89	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 (Pangsapuri Resak : Blok 1 - 2)	12	34
90	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Kenangan	21	34
91	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Desa Cemerlang_Flat Meranti	22	34
92	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Usj 2 (Sri Nipah)	10	33

93	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1-8 Taman Desa Mewah	9	33
94	SELANGOR	Klang	Jln Sg Bertik (Lot 4375)	10	33
95	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 9 Sd 1	4	33
96	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Kajang Mewah	13	33
97	JOHOR	Johor Bharu	Ptp Residence	10	33
98	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Pulai Utama_Jln Pulai 19-38	9	33
99	SELANGOR	Hulu Langat	Pandan Teres Pandan Perdana	6	32
100	SELANGOR	Hulu Langat	Evergreen Scot Pine Bandar Sungai Long	23	32
101	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 9 Teres B : Jln Ss 9/9 - 9/18	5	32
102	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/10 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	15	32
103	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 2 Bandar Mahkota Cheras	7	32
104	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Prima Saujana 2 Taman Prima Saujana	9	32
105	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Senja Taman Bukit Mewah	9	32
106	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat Z2	8	31
107	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Teres A : Jln Ss 7/26, Ss 7/28, Ss 7/30	4	31
108	MELAKA	Jasin	Taman Muhibbah Fasa 3	19	31